

Merapatkan Jurang, Memperkukuh Bahasa, Memperkasakan Pelajar

Farrah Ghazali

farrah_mohamad_ghazali@moe.edu.sg

Noraini Washil

noraini_washil@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodgrove

Abstrak

Pencapaian pelajar menengah satu didapati tidak setara dengan tahap kemasukan mereka yang mencapai gred A dan A* dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), berdasarkan pemantuan guru sejak beberapa tahun yang lalu. Bagi pelajar-pelajar Ekspres dan Normal Akademik ini, didapati hanya 16.7% sahaja pelajar yang berjaya mendapat markah kepujian A1 dan A2 semasa menduduki peperiksaan pertengahan tahun. Kajian ini memfokuskan kepada kelemahan tatabahasa pelajar-pelajar sasaran. Satu Program Titian (*Bridging Programme*) telah dijalankan untuk menyokong pembelajaran dan usaha untuk merapatkan jurang pencapaian pelajar-pelajar ini. Pakej khas dibina untuk pelajar-pelajar yang sentiasa dikemas kini dan dipantau. Kajian ini akan membincangkan dapatan awal kajian program titian ini.

Kata Kunci: pembelajaran lanjutan, merapatkan jurang, memperkukuh bahasa



PENGENALAN

Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Woodgrove mendapati bahawa ada jurang antara pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu di sekolah rendah dan sekolah menengah. Daripada pemantauan guru, pelajar Menengah Satu tidak dapat mengaplikasikan teknik yang telah dipelajari semasa di sekolah rendah ketika mereka di sekolah menengah. Format peperiksaan yang berbeza juga membuat pelajar keliru. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pada tahun 2010, 90% pelajar Menengah Satu berjaya mendapat 'A' atau 'A*' dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Namun, apabila kumpulan pelajar yang sama menduduki Peperiksaan Peringkat GCE 'O' pada tahun 2013, hanya 16.2% berjaya mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar Menengah Empat tidak setara dengan tahap kemasukan mereka yang mencapai gred A dan A* dalam PSLE.

Tinjauan terhadap pelajar menengah satu pada tahun 2014 juga menunjukkan perubahan dalam profil pelajar. Hanya 64.3% pelajar yang menggunakan sekurang-kurangnya 50% Bahasa Melayu di rumah. 35.7% pelajar menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya. Penggunaan Bahasa Melayu yang semakin kurang di rumah menjejaskan keupayaan berbahasa pelajar di sekolah.

Justeru, Program Titian Bahasa Melayu atau *Malay Language Bridging Programme* diperkenalkan untuk menangani masalah ini. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dan sekolah menengah serta meningkatkan kemahiran dan keyakinan pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai matlamat-matlamat berikut:

1. merapatkan jurang penguasaan Bahasa Melayu di antara peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah;
2. memperkaya pengetahuan kosa kata para pelajar; dan
3. mendedahkan pelajar kepada bentuk soalan yang lebih terbuka dan bentuk soalan pelbagai tahap.



PERNYATAAN MASALAH

Setiap tahun, pencapaian pelajar menengah satu tidak setara dengan tahap kemasukan mereka yang mencapai gred A dan A* dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Pelajar Menengah 1 mempunyai pengetahuan kosa kata yang terhad, penguasaan bahasa Melayu yang kurang kukuh, keterbatasan idea dalam karangan dan kesukaran untuk menghuraikan isi sewaktu latihan lisan. Sehubungan itu, profil pelajar yang kian berbeza, terutamanya dalam penggunaan bahasa Melayu di rumah serta pendedahan kepada bahan-bahan rujukan bahasa Melayu yang terhad, menjadi penghambat bagi pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Masalah ini akan berlarutan sekiranya tidak ditangani awal. Selain itu, guru juga mendapati bahawa jurang format peperiksaan untuk PSLE dan peperiksaan di peringkat sekolah menengah agak ketara.

KAJIAN LEPAS

Catherine Walker dalam tesis, *Bridging to New Possibilities: A Case Study of the Influence of a Bridging Education Programme*, menyatakan Bridging Programme telah diperkenalkan untuk mempersiapkan pelajar menepuhi tuntutan pembelajaran di tahap yang lebih tinggi. Kajian yang dilakukan terhadap tujuh orang pelajar yang telah melalui Program Titian membuktikan yang ia bukan sahaja membantu pelajar mempertingkatkan prestasi akademik, malah, program ini juga berjaya mempersiapkan pelajar dari aspek emosi dan sosial.

Kajian yang dilakukan oleh Alison Bunker dan Kurongkorl Katijin (1999), *Conceptions of Learning held by Aboriginal entrants to a Bridging Programme* menunjukkan bahawa Program Titian dapat merapatkan jurang antara pengajian di sekolah tinggi dan universiti dalam kalangan penduduk asli. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, pengkaji mengharapkan bahawa Program Titian di sekolah dapat merapatkan jurang penguasaan bahasa Melayu di antara sekolah rendah dan sekolah menengah, sekaligus meningkatkan prestasi pelajar dalam bahasa Melayu.



KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran pertama bagi Program Titian ialah pelajar daripada aliran Menengah 1 Ekspres dan Normal Akademik pada tahun 2014. Terdapat 28 orang pelajar (9 lelaki, 19 perempuan) daripada aliran Menengah 1 Ekspres. Pelajar-pelajar ini telah dibahagikan kepada dua band berdasarkan keputusan Ujian Diagnostik. Band Satu seramai 15 orang pelajar manakala Band Dua pula seramai 13 orang pelajar. Terdapat 40 orang pelajar (17 lelaki, 23 perempuan) dalam aliran Menengah 1 Normal Akademik. Pelajar-pelajar ini juga telah dibahagikan kepada dua kumpulan band berdasarkan Ujian Diagnostik.

Instrumen Kajian

Guru menggunakan pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif. Guru menjalankan ujian diagnostik dan memberikan borang soal selidik kepada pelajar. Ujian diagnostik dijalankan untuk pelajar aliran ekspres dan normal untuk menilai kebolehan pelajar berbahasa.

Ujian diagnostik meliputi tiga bahagian:

1. Imbuhan (10 soalan)
2. Melengkapkan Teks (5 soalan berserta 8 pendaya)
3. Kefahaman Subjektif (8 soalan Kefahaman Subjektif dan 4 soalan untuk bahagian Beri Makna)

Guru memilih ketiga-tiga bahagian ini kerana bahagian-bahagian ini juga diuji untuk Peperiksaan PSLE. Ketiga-tiga bahagian ini juga dapat menilai kebolehan pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu. Borang soal selidik pula bertujuan untuk mengetahui latar belakang pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu di rumah. Tujuh soalan tertutup dan enam soalan terbuka telah ditanyakan kepada pelajar.



Prosedur Kajian

Fokus utama Program Titian ini adalah untuk merapatkan jurang pencapaian para pelajar menengah satu. Langkah pertama yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kedudukan penggunaan dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar menengah satu melalui sebuah borang tinjauan dan ujian diagnostik. Untuk ujian diagnostik, para pelajar hanya diuji komponen imbuhan, melengkapkan teks dan kefahaman subjektif sahaja. Daripada dapatan borang tinjauan ini, guru-guru mengenal pasti pula keperluan para pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu. Hasil daripada tinjauan tersebut, kami mendapati kurang lebih hanya 50% pelajar menengah satu kami yang membaca bahan bacaan bahasa Melayu mahupun mendekati diri dengan rancangan-rancangan bahasa Melayu di televisyen dan radio. Penggunaan bahasa Melayu di rumah sangat kurang kerana ramai pelajar didedahkan dengan Bahasa Inggeris semenjak mereka kecil lagi. Bagi ujian diagnostik pula, didapati sebilangan besar pelajar menghadapi kesukaran menjawab komponen imbuhan dan kefahaman subjektif dengan baik.

Langkah yang kedua pula ialah guru-guru telah meneliti format kertas Bahasa Melayu Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Kami mendapati beberapa perbezaan dan persamaan antara format kertas Bahasa Melayu PSLE dengan kertas Bahasa Melayu GCE Peringkat 'O'. Guru-guru hanya memberi fokus kepada perbezaan format. Untuk format Kertas 1 iaitu penulisan, Kertas Bahasa Melayu PSLE memberikan karangan bergambar dan para pelajar hanya dikehendaki membuat sebuah karangan berbanding dengan format peperiksaan Bahasa Melayu GCE peringkat 'O' yang memerlukan para pelajar mengarang dua buah penulisan iaitu e-mel dan sebuah karangan naratif, deskriptif ataupun ekspositori. Bagi Kertas 2 iaitu komponen tatabahasa dan kefahaman pula, bentuk soalan lebih tertumpu kepada bentuk pilihan (MCQ) untuk komponen imbuhan dan peribahasa. Bagi komponen Kefahaman Subjektif pula, soalan-soalan tidak memerlukan penjelasan dan kupasan yang mendalam berbanding dengan kertas bahasa Melayu Peperiksaan GCE Peringkat 'O'.

Esei ini akan seterusnya memperlihatkan bagaimana guru-guru merapatkan jurang pencapaian para pelajar sepanjang mereka berada di



menengah satu. Guru-guru memberikan fokus kepada komponen Imbuan, Peribahasa, Pengayaan Kosa Kata, Kefahaman Subjektif serta Karangan Deskriptif dan Naratif.

Guru-guru mendapati sebilangan besar pelajar Bahasa Melayu peringkat menengah satu tidak dapat mengaplikasikan komponen Imbuan dengan baik. Justeru, pengkaji mendedahkan komponen Imbuan kepada para pelajar secara berperingkat-peringkat. Daripada soalan berbentuk 4 pilihan bertahap peringkat kertas PSLE, kami mengurangkan latihan kepada 2 pilihan sebelum kami beralih kepada soalan berbentuk terbuka. Semasa memperkenalkan soalan berbentuk terbuka, guru-guru memberikan latihan imbuan dengan mendedahkan satu jenis awalan dan akhiran pada satu masa. Contohnya, pengajaran dan latihan hanya memberikan fokus kepada imbuan 'meN' pada satu masa. Pada penggal kedua barulah para pelajar didedahkan kepada apitan dan imbuan yang pelbagai dalam satu latihan. Dengan cara ini para pelajar tidak akan menghadapi kejutan budaya dan tidak keliru dengan penggunaan imbuan secara menyeluruh.

Bagi komponen Peribahasa, para pelajar menghadapi kesukaran kerana semasa di sekolah rendah, mereka lebih banyak mempelajari simpulan bahasa daripada peribahasa. Untuk simpulan bahasa juga, mudah bagi mereka memahami maksud melalui gambar. Di peringkat sekolah menengah pula, mereka didedahkan kepada peribahasa dan makna yang panjang dan agar sukar menggunakan gambar untuk menerangkan sesetengah peribahasa. Oleh itu, guru-guru mendedahkan mereka kepada pencarian kata kunci untuk memudahkan mereka memahami makna peribahasa. Setelah pencarian kata kunci, guru menjalankan aktiviti sketsa yang mana pelajar perlu menghasilkan Sketsa 2 Minit untuk menimbulkan makna peribahasa yang diberi. Oleh itu, cara-cara tersebut mengalihkan fokus para pelajar daripada penggunaan gambar kepada penggunaan pencarian kata kunci dan sketsa untuk memahami sesuatu peribahasa.

Setelah dapat memahami peribahasa melalui kata kunci dan sketsa, barulah mereka didedahkan kepada latihan peribahasa mengikut format peperiksaan yang mana mereka digalakkan untuk mencari kata kunci untuk mendapatkan peribahasa yang tepat. Sebelum memulakan latihan peribahasa,



mereka juga diwajibkan menulis makna setiap peribahasa yang diberi sebagai pendaya. Makna yang ditulis hanyalah kata kunci yang menerangkan makna peribahasa itu. Secara tidak langsung amalan ini akan membuat para pelajar sentiasa mengingati peribahasa-peribahasa yang harus dipelajari sepanjang tahun. Di peringkat menengah juga mereka digalakkan untuk menggunakan peribahasa dalam penulisan. Daripada latihan peribahasa yang diberi, mengikut format peperiksaan, guru juga menerangkan bagaimana penggunaan peribahasa dalam penulisan. Setelah itu secara berkumpulan mereka akan menghasilkan sebuah penulisan ringkas yang memuatkan peribahasa. Pada sesi pengajaran yang pertama setiap kumpulan pelajar hanya akan disuruh menggunakan dua peribahasa dalam satu penulisan dan kemudian bilangan ini akan ditingkatkan kepada maksimum 5 peribahasa dalam setiap penulisan. Ini dapat membiasakan diri mereka untuk menggunakan peribahasa dalam penulisan dengan tepat.

Bagi komponen Melengkapkan Teks, para pelajar didedahkan kepada teknik 'TANK' iaitu singkatan bagi 4 golongan Kata (Kata Tugas, Kata Adjektif, Kata Nama dan Kata Kerja). Mereka dikehendaki menggolongkan kesemua perkataan yang diberi sebagai pendaya ke TANK. Kemudian mereka diajar memahami ayat untuk mengenal pasti perkataan yang sesuai yang perlu diisi. Untuk memperkaya pengetahuan kosa kata para pelajar pula, guru memberikan sebuah penulisan yang mengandungi kosa kata yang mudah yang digariskan. Para pelajar dikehendaki menukar perkataan yang digarisi dengan perkataan atau frasa yang setanding kepayahannya dengan peringkat mereka kini.

Contohnya, '**Apabila** melihat mayat adik, ibu **menangis teresak-esak**'. Pelajar dikehendaki menukar perkataan-perkataan yang digarisi. Hasilnya ialah '**Tatkala** melihat jenazah adik, **manik-manik jernih gugur dari kelopak mata ibu lalu membasahi pipinya.**'

Bagi kefahaman subjektif pula, guru-guru memberikan perbandingan cara penyoalan di peringkat PSLE dengan cara penyoalan di peringkat GCE 'O'. Guru-guru juga menerangkan kepada para pelajar jangkaan jawapan di peringkat menengah. Contohnya adalah seperti berikut:



Jadual 1: Perbandingan antara Soalan PSLE dengan GCE Peringkat 'O'

No.	PSLE (2015)	GCE 'O'
1	'...aku tidak bersemangat langsung untuk buat kertas latihan ini!' Beri dua sebab Hafidz berperasaan sedemikian.	'...aku tidak bersemangat langsung untuk buat kertas latihan ini!' Jelaskan pernyataan ini.
2	Mengapakah pelajar-pelajar Cikgu Hussin berasa takut melihatnya?	Apakah yang menyebabkan pelajar-pelajar Cikgu Hussin takut melihatnya?

Bagi karangan naratif dan deskriptif, para pelajar sudah didedahkan dengan karangan bergambar di sekolah rendah. Guru-guru mendedahkan kepada mereka soalan-soalan karangan naratif dan deskriptif di peringkat menengah. Lazimnya mereka diberikan 3 hingga 4 keping gambar. Untuk latihan permulaan, mereka masih disuruh mengarang berdasarkan karangan bergambar. Kemudian para pelajar disuruh memikirkan soalan yang sesuai berdasarkan karangan bergambar yang telah mereka buat sebagai latihan karangan. Bagi karangan deskriptif, mereka juga didedahkan dengan cara menghasilkan penulisan dengan cara mengaitkan cerita dengan 5 deria dalam penyusun grafik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kami mendapati bahawa setelah kumpulan pelajar melalui Program Titian selama setahun, mereka mencatatkan kelakonan yang lebih baik dalam Peperiksaan Akhir Tahun berbanding dengan kumpulan pelajar sebelumnya yang tidak melalui Program Titian ini. Daripada data yang kami peroleh, pada akhir 2013 hanya 46.9% pelajar menengah satu mendapat kepujian manakala pada akhir tahun 2014, 64.3% pelajar yang melalui Program Titian mampu mencapai markah kepujian. Data ini membuktikan keberkesanan Program Titian ini.

Program Titian ini dapat mengurangkan kejutan budaya dalam kalangan pelajar menengah satu. Ini kerana format peringkat GCE 'O' didedahkan kepada mereka secara berperingkat-peringkat. Mereka juga diajak meninggalkan kebiasaan dan amalan semasa menghadapi kertas Bahasa Melayu di peringkat PSLE secara bertahap-tahap. Namun usaha menjayakan



Program Titian ini memerlukan masa yang panjang dan bahan yang menyeluruh serta pelbagai. Justeru perlu bagi setiap guru dalam jabatan Bahasa Melayu berganding bahu untuk meringankan beban menyiapkan bahan yang bermutu. Oleh sebab masa yang panjang diperlukan untuk memastikan program titian ini berjaya, adakalanya guru-guru terpaksa mengadakan kelas tambahan. Tahap kemampuan pelajar yang berbeza tidak akan menjadi masalah seandainya para pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu mengikut kemahiran pelajar terlebih dahulu.

KESIMPULAN

Untuk melihat keberkesanan Program Titian ini, sesebuah sekolah haruslah menunggu kumpulan pelajar yang mengikuti program ini selesai menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O'. Setelah mereka mendapat keputusan, barulah kita dapat melihat sama ada peratusan A dan A* dalam kalangan pelajar ini semasa PSLE setaraf dengan peratusan A1 dan A2 dalam peperiksaan Bahasa Melayu GCE 'O' yang akan mereka duduki. Di samping program titian ini, guru-guru di sekolah menengah juga harus mengukuhkan lagi komponen-komponen tatabahasa yang pernah diajarkan di sekolah rendah seperti penjumlahan, kata gandaan dan sebagainya. Program titian ini juga akan lebih berkesan seandainya jabatan Bahasa Melayu sesebuah sekolah menengah bekerjasama dengan jabatan bahasa Melayu sesebuah sekolah rendah agar kedua-dua pihak lebih memahami kehendak dan jangkaan masing-masing. Pakej Program Titian ini juga harus sentiasa diteliti dan dikemas kini agar perubahan dapat dilakukan untuk kekal relevan.

Nota:

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Siti Aisyah Said



RUJUKAN

Walker, Catherine, (2008). Bridging to New Possibilities: A Case Study of the Influence of a Bridging Education Programme

Conceptions of learning held by Aboriginal entrants to a bridging programme <http://www.herdsa.org.au/wp-content/uploads/conference/1999/pdf/Bunker.PDF>

Singapore Examinations and Assessment Board, GCE 'O' Level Information Booklet, August 2012

Singapore Examinations and Assessment Board, GCE 'N' Level Information Booklet, August 2012

